

BAHAGIAN A

(30 markah)

(Masa dicadangkan : 45 minit)

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah mempunyai ilmu pengetahuan dalam kehidupan**. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

FAEDAH MEMPUNYAI ILMU PENGETAHUAN

Masa hadapan yang cemerlang

Peluang kerjaya yang lebih baik

Melahirkan insan bermoral

BAHAGIAN B(100 *markah*)*(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)*

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda selaku pengerusi Kelab Pencinta Alam telah diminta untuk memberi ceramah dalam perhimpunan sekolah sempena Kempen Cinta Alam peringkat sekolah. Tajuk ceramah ialah "Sayangi Haiwan".

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

2. Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia amat penting kerana kejayaannya akan dapat membantu aspirasi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih sejahtera dalam ekonomi dan pembangunan.

Bincangkan kepentingan membeli barangan buatan Malaysia.

3. Sektor ekopelancongan berpotensi berkembang sebagai satu industri yang dapat memberi manfaat kepada negara dari pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan dan pembangunan.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk memajukan sektor ekopelancongan.

4. Jenayah penyeludupan merupakan salah satu permasalahan yang wujud antara dua buah negara yang berjiran dan bersempadan.

Jelaskan implikasinya terhadap kedua-dua buah negara yang berjiran dan bersempadan tersebut.

5. Peribahasa 'muafakat membawa berkat' bermaksud perkara yang dilakukan secara persetujuan semua pihak akan mendatangkan kebaikan.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT